



UMP sambut Hari Integriti

ZULKHAIRIL ZAINUDDIN

KUANTAN - Selaras dengan Gerakan Pemantapan Keutuhan Pengurusan dan pelaksanaan Pelan Integriti Nasional, Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Sambutan Hari Integriti Nasional 2008 Peringkat UMP yang bermula pada 3 hingga 7 November 2008.

Majlis yang bertemakan 'Integriti Dijunjung, UMP Disanjung' itu dirasmikan Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, baru-baru ini.

Berucap ketika majlis pelancaran itu, Daing Nasir Ibrahim, upacara sambutan Hari Integriti di peringkat universiti ini adalah sebagai isyarat keseriusan dan komitmen pihak pengurusan universiti untuk memastikan warga UMP sama ada staf atau pelajar mengamalkan budaya kerja cemerlang secara berterusan yang dibina di atas landasan integriti, akauntabiliti dan ketelusan.

"Integriti perlu dibudayakan dan dilihat dalam konteks dan erti kata yang lebih luas, meliputi aspek urusan dan kewajipan. Ini termasuklah mem-

berikan perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti kepada para pelanggan kita, khususnya para pelajar, dan mengurangkan birokrasi," katanya.

Beliau turut menjelaskan hubungan kait antara Pelan Integriti Nasional (PIN) dan nilai-nilai teras UMP di mana PIN digubal selaras dengan cabaran keempat Wawasan 2020 iaitu untuk membentuk sebuah masyarakat yang kukuh nilai moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur.

Katanya, dalam konteks perkhidmatan di UMP, kelima-lima nilai teras UMP ialah aspek-aspek penting yang amat jelas kaitannya dengan pelaksanaan PIN dan pembudayaan integriti dan memerlukan amalan yang konsisten dan berterusan.

"Dengan konsep 'Kepimpinan Melalui Teladan', usaha ini pastinya akan membawa UMP ke arah kecemerlangan," katanya.

Daing Nasir juga berkata, dalam usaha untuk memantau pelaksanaan PIN, membudayakan integriti dan mengutuh-



Daing Nasir (dua kanan) meluangkan masa melawat pameran yang disediakan pada majlis Sambutan Hari Integriti Nasional 2008 Peringkat UMP, di sini.

kan pengurusan, inisiatif-inisiatif yang sedia ada sekarang ini akan diperkasakan dan diberi nafas baharu supaya agenda pembudayaan integriti dan kecemerlangan dapat dilihat sebagai sesuatu yang serius oleh warga UMP.

"Bagi tujuan kesedaran, Sambutan Hari Integriti Nasional Peringkat UMP yang dimulakan pada tahun ini akan menjadi agenda berterusan yang akan ditingkatkan de-

ngan pengisian yang lebih berkesan dari semasa ke semasa," katanya.

Jelasnya, kesungguhan untuk membudayakan integriti adalah kewajiban bersama seluruh warga UMP kerana keputusan dan tindakan yang telus, pengurusan yang efisien serta kepimpinan yang efektif mampu memastikan lonjakan UMP ke arah kecemerlangan menjadi realiti.

Sambutan ini diadakan

adalah sebagai menyahut seruan kerajaan yang telah mengisytiharkan tarikh 5 November setiap tahun sebagai Hari Integriti Nasional.

Hadir sama ke majlis pelancaran sambutan tersebut adalah Pendaftar, Mustafa Ibrahim, Bendahari, Zainudin Othman, Ketua Pustakawan, Tuan Haji Ruslan Che Pee, Dekan-Dekan, Pengarah-Pengarah dan Ketua-Ketua Jabatan.